

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dasar Kementerian bagi mewujudkan peluang pekerjaan secara khusus kepada kumpulan B40 atau anak muda yang berada di kawasan luar bandar seperti di Parlimen Bukit Gantang. Ini merujuk kepada dasar terbaru Kerajaan yang mewujudkan peluang pekerjaan menerusi perkhidmatan teksi motosikal (Gojek Malaysia) di kawasan bandar dan bagaimana pula di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Iltizam Khusus Untuk Anak Muda di dalam Manifesto Kerajaan telah menggariskan komitmen bagi memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya kepada anak muda. Ini bagi memastikan potensi anak-anak muda dijana sepenuhnya seperti yang termaktub dalam matlamat Dasar Belia Malaysia, sekali gus menangani kebimbangan utama yang memberi kesan terhadap anak muda pada hari ini iaitu isu pengangguran dan peluang pekerjaan khususnya kepada golongan B40 dan anak muda yang berada di luar bandar.

SOALAN NO : 20

2. Susulan itu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 Ogos 2019 telah bersetuju dengan cadangan membenarkan perkhidmatan teksi motosikal di Malaysia (*Ride-Hailing*). *Ride-Hailing* antara lain bertujuan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan di samping dapat meningkatkan pendapatan dalam kalangan anak muda. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memulakan beberapa gerak kerja seperti berikut:

- (a) melaksanakan Kajian Persepsi Pengguna Jalan Raya terhadap Kebolehlaksanaan Perkhidmatan Teksi Motosikal di Malaysia oleh Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Laporan kajian ini akan dikemukakan kepada MOT untuk tindakan selanjutnya; dan
- (b) mengadakan mesyuarat dengan pihak Kementerian/Agensi berkaitan bagi mendapatkan input/pandangan mengenai cadangan ini. Dalam mesyuarat ini juga dimaklumkan bahawa MOT sedang dalam penyediaan Memorandum Jemaah Menteri dan mengenal pasti pindaan-pindaan terhadap akta yang berkaitan.

3. Selain itu, KBS juga telah melaksanakan pelbagai jenis program di negeri Perak bagi memberikan pendedahan kepada para belia berkenaan dengan ilmu keusahawanan. Program-program ini dibangunkan antara lain bertujuan untuk membangunkan ciri-ciri keusahawanan dan memupuk pembudayaan keusahawanan kepada para belia untuk memilih bidang mereka. Antara program keusahawanan yang dilaksanakan adalah Pembangunan Usahawan Digital (*Young Heroes*), *Y-Career* Siri 1 dan Siri 2, *Y-Bex* dan Kursus *Young Agrotech*, kesemuanya melibatkan 161 peserta.

4. Bagi memastikan pembangunan belia yang berada dalam bidang keusahawanan, kementerian dengan bidang kuasa yang ada telah merancang satu program khas yang dinamakan "*Skills Training At Risk*

SOALAN NO : 20

@Youth” atau STAR@U : *My Future Youth Plus*. Program yang dilaksanakan ini bukan sahaja memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai belia mendapat kemahiran, ianya juga meningkatkan peluang belia menceburi bidang keusahawanan.

5. Bagi tahun 2019, 70 program *Myfuture Youth Plus* dilaksanakan melibatkan 21 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Seramai 727 belia yang berjaya dilatih menerusi program tersebut. Berdasarkan kajian impak yang dijalankan 9.2% telah menjadi usahawan hasil daripada program tersebut.

6. Kementerian juga turut menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar ILKBS. Beberapa program telah diadakan di peringkat ILKBS seperti:

- i. Penguatkuasaan silibus baharu Keusahawanan Digital pada sesi 1/2020 menambah baik silibus keusahawanan sedia ada, bertujuan melahirkan graduan berkemahiran bukan sahaja dalam bidang teknikal, malah berpotensi menjadi usahawan yang berdaya saing di era ekonomi digital masa kini; dan
- ii. Penubuhan projek inkubator program keusahawanan di ILKBS bagi melatih pelajar semester akhir mengaplikasikan kemahiran sebelum keluar membangunkan bisnes sendiri.

7. Di samping itu, bagi memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya kepada anak muda, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 September 2019 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan perunding, penyelaras dan penasihat kepada Kerajaan untuk meluaskan peluang pekerjaan anak muda daripada aspek dasar, perancangan serta pelaksanaan agenda pembangunan ekonomi anak muda.

SOALAN NO : 20

8. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini akan dapat membantu Kerajaan ke arah mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan. Antara isu-isu yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa ini meliputi pengangguran, tawaran gaji rendah, peluasan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang, kesepadanan pendidikan/latihan mengikut keperluan industri dan lain-lain.

9. Pada umumnya, jawatankuasa ini akan mengadun satu pendekatan yang inovatif dengan menggalakkan kesinambungan dasar Kerajaan bersama keperluan industri dalam mempertingkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti bagi generasi muda pada hari ini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.